

The Effectiveness of Capital and Human Resources in Muslim Women Entrepreneurship: A Qualitative Analysis Based on the Success of Khadijah binti Khuwaylid R. A.

Keberkesanan Sumber Modal dan Sumber Manusia dalam Keusahawanan Wanita Muslim: Analisis Kualitatif Berdasarkan Kejayaan Khadijah binti Khuwaylid R. A.

Yusma Fariza Yasin^{a*}, Che Nur Aimi Che Rusdi^b

^a*School of Human Resource Development and Psychology, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

^b*Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, 21300, Terengganu Darul Iman, Malaysia.*

*Corresponding author: yusmafariza@utm.my

Article history: Received: 27 August 2024 Received in revised form: 20 October 2024 Accepted: 17 December 2024 Published online: 20 September 2025

Abstract

Islamic history records the remarkable entrepreneurial achievements of the great Muslim woman, Khadijah binti Khuwaylid (r.a). Her success can be understood as the result of two critical determining factors: capital and human resources. Accordingly, the purpose of this paper is to examine the impact of investment in capital and human resources on the success of Muslim women entrepreneurs in Malaysia's health product industry, with reference to the factors that contributed to Khadijah's accomplishments. This study employed a qualitative approach through interviews with ten successful Muslim women entrepreneurs in the industry. The data collected were analyzed using content analysis. The findings indicate that the success of Muslim women entrepreneurs in Malaysia's health product sector is similarly influenced by human resources and capital.

Keywords: capital resources, human resources, Muslim women entrepreneurship

Abstrak

Sejarah Islam mencatatkan kejayaan luar biasa srikandi Islam, Khadijah binti Khuwaylid r.ah, dalam bidang keusahawanan. Kejayaannya dapat dilihat sebagai hasil daripada dua elemen penting yang menjadi faktor penentu, iaitu modal dan sumber manusia. Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti kesan pelaburan dalam aspek modal dan sumber manusia terhadap kejayaan usahawan wanita Muslim dalam industri produk kesihatan di Malaysia, dengan merujuk kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan Khadijah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan temu bual dengan 10 orang usahawan wanita Muslim yang berjaya dalam bidang tersebut. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan usahawan wanita Muslim dalam sektor produk kesihatan di Malaysia juga dipengaruhi oleh faktor sumber manusia dan modal.

Kata kunci: Sumber modal, sumber manusia, keusahawanan wanita Muslim

© 2025 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Pada awal perkembangan Islam, terdapat ramai usahawan wanita Muslim yang mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan. Khadijah binti Khuwaylid merupakan tokoh wanita yang berjaya dan wajar dicontohi oleh usahawan wanita Islam pada masa kini. Kejayaan yang dimiliki bukan sahaja dari segi kewangan, malah turut berjaya dalam aspek bukan kewangan (Fatimah Salwa Abd Hadi, 2013). Kejayaan kewangan Khadijah dapat dilihat daripada dua aspek utama. Pertama, beliau memiliki harta yang banyak dan berjaya melaburkannya melalui aktiviti perniagaan. Kedua, kejayaannya dalam bidang perniagaan turut melibatkan penggunaan sumber manusia, yang seterusnya membolehkan beliau memanfaatkan hartanya untuk perkembangan dan penyebaran Islam.

Kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah dalam bidang keusahawanan membuktikan bahawa wanita Muslim turut memainkan peranan penting dalam aktiviti ini (Shuhairimi Abdullah & Ku Halim Ku Ariffin, 2010). Islam sebagai agama yang menekankan bidang keusahawanan telah menyatakan bahawa sembilan per sepuluh daripada sumber rezeki berasal daripada perniagaan (Mohd Rafi Yaacob & Mohd Rosli Mohamad, 2014:39-40). Khadijah binti Khuwaylid r.ah membuktikan kejayaannya dalam perniagaan apabila kafilah dagangan yang dihantarnya ke Syria setanding dengan konsortium beberapa kafilah dagangan Quraisy (Mardiana Mat Ishak & Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, 2014). Kejayaan ini menonjolkan Khadijah sebagai seorang srikandi yang bijak dan pintar dalam menguruskan perniagaan. Selain kecerdasan beliau, Khadijah juga terkenal sebagai seorang hartawan, rupawan, berasal daripada golongan bangsawan, bersikap budiman, dan memiliki akhlak yang mulia (Nuraslina Jusin & Zaharuddin Abd Rahman, 2010:93-94).

Bidang keusahawanan berpotensi meningkatkan taraf hidup wanita Muslim di Malaysia. Fenomena ini selari dengan minat dan kecenderungan wanita Muslim, memandangkan bidang ini sememangnya menjadi pilihan ramai dalam kalangan mereka (Muhammad Abu Syauqi Banna, 2012:61). Selain itu, bilangan usahawan wanita Muslim yang juga menjadi pemilik perniagaan menunjukkan peningkatan yang ketara. Peningkatan ini dapat dilihat melalui beberapa aspek utama, iaitu jumlah perniagaan yang dimiliki, hasil yang dijana, dan bilangan pekerja yang terlibat. Peningkatan penyertaan wanita Muslim dalam aktiviti keusahawanan dipengaruhi oleh beberapa faktor penting. Faktor pertama ialah kemahiran berkomunikasi berkesan dengan pihak berkepentingan. Faktor kedua merangkumi kemahiran kemanusiaan yang merangkumi keupayaan membaca emosi melalui riak wajah serta kemampuan menyesuaikan gaya, tingkahlaku, dan intonasi suara berdasarkan kesesuaian situasi. Faktor ketiga ialah keupayaan pemikiran jaringan, yang melibatkan kebolehan mengumpulkan maklumat dan data daripada persekitaran serta membina hubungan antara maklumat tersebut. Faktor keempat adalah kemahiran berunding yang cekap, manakala faktor kelima melibatkan kebolehan membina hubungan profesional yang baik dengan pihak-pihak tertentu.

Kesemua faktor ini secara kolektif menjadi asas kepada kejayaan ramai wanita Muslim dalam bidang keusahawanan, membolehkan mereka memiliki pelbagai jenis perniagaan di Malaysia (Norita Deraman et al., 2010:266-267). Peningkatan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan memberi sumbangan signifikan kepada perkembangan ekonomi negara. Selain itu, ia turut menggalakkan lebih ramai golongan wanita untuk terlibat dalam sektor ini, sekali gus memperkukuhkan penyertaan mereka dalam aktiviti keusahawanan (Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al., 2017:400).

Bidang keusahawanan berpotensi meningkatkan taraf hidup wanita Muslim di Malaysia. Fenomena ini mencerminkan minat dan kecenderungan wanita Muslim, memandangkan bidang ini telah menjadi pilihan utama dalam kalangan mereka, sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Abu Syauqi Banna (2012:61).

Selain itu, peningkatan jumlah usahawan wanita Muslim dalam industri produk kesihatan di Malaysia turut mencatatkan perkembangan yang pesat, didorong oleh sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat. Keadaan ini berlaku ekoran kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan. Perangkaan pada tahun 2020 menunjukkan bahawa di seluruh dunia, jumlah warga emas berusia 65 tahun ke atas mencecah 635 juta orang, yang melibatkan 10.0 peratus daripada keseluruhan populasi global (Doris Padmini Selvaratnam et al., 2009:305). Peningkatan ini menggambarkan bahawa masyarakat semakin menekankan kepentingan penjagaan kesihatan. Antara pendekatan yang diambil untuk memelihara kesihatan termasuk pengamalan pemakanan yang seimbang, pelaksanaan aktiviti senaman secara konsisten, pemenuhan keperluan tidur dan rehat yang mencukupi, pengurusan hubungan sosial yang sihat, serta pemeliharaan kebersihan mental, fizikal, dan persekitaran (Ranita Manap & Norziah Othman, 2016:213). Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang mengamalkan penggunaan produk kesihatan sebagai salah satu pendekatan untuk memelihara kesejahteraan tubuh.

Di Malaysia, terdapat banyak jenama produk kesihatan yang dipasarkan, baik produk tempatan mahupun antarabangsa. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semua produk ubat-ubatan, termasuk yang diimport dari luar negara, wajib didaftarkan terlebih dahulu sebelum dapat dipasarkan kepada pengguna. Langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan untuk memastikan bahawa produk kesihatan yang dipasarkan memenuhi piawaian keselamatan, kualiti, dan keberkesanan yang terjamin. Pendaftaran produk kesihatan dibahagikan kepada lima kategori. Kategori pertama, A, merujuk kepada ubat yang mengandungi racun terkawal. Kategori kedua, X, melibatkan ubat yang tidak mengandungi racun terkawal. Kategori ketiga, T, terdiri daripada ubat tradisional seperti jamu, minyak urut, dan minyak gamat. Seterusnya, kategori keempat, N, merangkumi produk semulajadi atau suplemen kesihatan, contohnya minyak ikan kod dan multivitamin. Kategori terakhir adalah kategori H, yang merujuk kepada ubat veterinar. Oleh itu, semua kategori yang telah digariskan di atas berfungsi sebagai panduan kepada pengguna untuk memastikan bahawa produk kesihatan yang dibeli adalah selamat untuk digunakan.

Berdasarkan sejarah Islam, Khadijah binti Khuwaylid merupakan wanita yang berjaya dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan. Khadijah binti Khuwaylid r.ah merupakan anak kepada Khuwaylid bin Asad dan Fatimah binti Za'dah dari keturunan Bani Amir. Setelah kematian ayahnya, beliau menguruskan perniagaan keluarga dengan cekap, memperluas jaringan perniagaan hingga ke Syria dan Yaman (Ashadi Zain, 2008). Faktor kejayaan yang dikecapi termasuklah memiliki sumber modal yang mencukupi dan mempunyai sumber manusia yang hebat. Justeru, kertas kerja ini ingin melihat sama ada kejayaan usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk Kesihatan turut dipengaruhi oleh sumber manusia dan sumber manusia atau sebaliknya.

■ 2.0 SOROTAN KARYA

2.1 Sumber Modal

Bagi setiap peniaga atau usahawan, modal adalah elemen asas dalam perniagaan (Sakinah Salleh, 2013:14). Modal ini boleh diperoleh daripada dua jenis sumber, iaitu sumber dalaman (modal sendiri) dan sumber luaran. Sumber dalaman merujuk kepada wang tabungan yang sedia ada atau dana daripada kaum keluarga. Manakala, sumber luaran pula melibatkan pinjaman bank, skim pembiayaan kerajaan, kemudahan kredit daripada pembekal, kemudahan sewa beli, dan lain-lain (Ismail Ab. Wahab, Zarina Salleh & Siti Zahrah Buyong, 2008:7). Khadijah binti Khuwaylid r.ah adalah seorang wanita kaya dan merupakan peniaga terkemuka di kalangan golongan peniaga di Mekah. Beliau memberi upah kepada beberapa orang lelaki bagi mengembangkan hartanya dan memberikan keuntungan berlipat kali ganda kepada para pekerjanya. Beliau juga turut memiliki kafilah iaitu rombongan pedagang sebagaimana umumnya kafilah Quraisy (Muhammad Abdul

Yamani, 2008:32). Khadijah binti Khuwaylid r.ah turut memiliki perniagaan yang meluas iaitu di Kota Mekah sehingga ke Yaman dan Syam (Abu 'Ubaidillah Syariff, 2002:16). Perniagaannya yang meluas telah membuktikan bahawa beliau memiliki modal yang banyak dan mampu membuat pelaburan yang berskala besar. Tambahan pula, kedudukan Khadijah binti Khuwaylid r.ah sebagai peniaga kaya membolehkan beliau memberi upah yang banyak kepada pekerjaannya.

Kedudukan Khadijah binti Khuwaylid r.ah sebagai peniaga yang kaya juga adalah disebabkan oleh beliau dibesarkan dalam keluarga yang kaya dan mulia. Ayahnya merupakan seorang pembesar Quraisy yang terkenal sebagai hartawan, dermawan serta memiliki keturunan yang mulia. Sebelum berkahwin dengan Nabi Muhammad SAW, Khadijah binti Khuwaylid r.ah sudah dikenali sebagai seorang peniaga yang kaya raya dan terkenal (Muham Taqra, 2015; Khoiril Amru Harahap, 2009:20-28). Oleh itu, dapat dilihat bahawa sumber perniagaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah adalah sumber dalaman iaitu sumber daripada kekayaan ayahnya. Selain sumber modal diperoleh daripada ayahnya, Khadijah binti Khuwaylid r.ah turut mewarisi harta kekayaan daripada kedua-dua bekas suaminya (Muhammad Abdul Yamani, 2008:28; Ummu 'Urwah, 1987:14). Bekas suami Khadijah binti Khuwaylid r.ah bernama Halah at-Tamimi. Setelah Halah at-Tamimi meninggal, beliau berkahwin pula dengan peniaga kaya yang bernama 'Atiq bin 'Abid al-Makhzumiy (Ummu'Urwah, 1987:17; Ainol Basar & Nurul Basri, 1990:12; Khoiril Amru Harahap, 2009:20).

Khadijah binti Khuwaylid r.ah menggunakan harta peninggalan daripada kedua-dua bekas suami dengan sebaik mungkin. Harta yang didapati tidak disia-siakan dan tidak dibazirkan. Beliau menggunakan harta peninggalan dengan membuat pelaburan dengan mengembangkan lagi perniagaannya (Khoiril Amru Harahap 2009:221).

Selain berbekalkan modal kekayaan daripada ayahnya dan bekas suaminya, Khadijah binti Khuwaylid r.ah turut memiliki modal luaran. Modal luaran yang dimaksudkan adalah kejujuran, boleh dipercayai, amanah dan bijak mendapatkan modal daripada pihak lain. Terdapat dua jenis modal iaitu pertama berbentuk material, manakala kedua berbentuk non-material. Modal non-material merupakan modal mentaliti. Khadijah binti Khuwaylid r.ah menyediakan peluang pekerjaan kepada orang ramai. Langkah ini membolehkan beliau mendelegasikan pekerjaannya kepada orang lain.

Selain itu, modal *non-material* yang dimaksudkan juga adalah melalui kejujuran, boleh dipercayai, keberanian, keimanan, spiritual, kecerdasan, amanah, pandai memanfaatkan peluang dan sebagainya (Khoiril Amru Harahap, 2009:34). Oleh itu, sumber modal yang mencukupi telah membolehkannya mencapai kejayaan dalam bidang tersebut. Kekayaan yang diwarisi daripada peninggalan bapanya serta bekas suaminya telah mengukuhkan sumber modal dalam melaksanakan perniagaan. Tambahan pula, modal berbentuk *non-material* iaitu modal daripada sifat dalaman yang mahmudah telah menjadikan Khadijah binti Khuwaylid r.ah sebagai seorang usahawan wanita yang boleh dipercayai dan mendapat tempat dihati para pelanggan.

2.2 Sumber Manusia

Sumber manusia yang berkualiti juga merupakan faktor yang menyumbang kepada kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah dalam bidang keusahawanan. Antara sikap positif pekerja Khadijah binti Khuwaylid r.ah adalah memiliki pekerja yang jujur. Khadijah binti Khuwaylid r.ah mengupah orang-orang Quraisy yang jujur, amanah dan boleh dipercayai untuk menguruskan barang dagangannya (Khoiril Amru Harahap, 2009:21; Afzalurrahman, 1997:1). Kejujuran Nabi Muhammad SAW telah menarik minat Khadijah r.ah untuk menghantar utusannya iaitu Maisarah untuk bertanya kepada Abu talib bin Abdul Muttalib. Perkara ini bertujuan meminta kebenaran daripada bapa saudara Nabi Muhammad SAW untuk bekerja dengan Khadijah r.ah (Abu 'Ubaidillah Syariff, 2002:21). Khadijah r.ah menawarkan pekerjaan kepada Nabi Muhammad SAW dengan meletakkan kepercayaan yang melebihi kepercayaan orang-orang biasa (Muhammad Abdul Yamani, 2008:32).

Sepanjang proses melaksanakan perniagaan, Nabi Muhammad SAW jujur ketika menjual barang dagangan serta bersifat lemah lembut. Baginda akan meletakkan harga yang tetap dan tidak pernah merayu-rayu supaya barangan yang dijual dibeli oleh orang ramai (Abu 'Ubaidillah Syariff, 2002:25-26). Ketetapan harga barangan yang dijual oleh Nabi Muhammad SAW ternyata memberi keyakinan kepada orang ramai untuk membeli barangan tersebut. Orang ramai juga dilayan dengan baik oleh Nabi Muhammad SAW semasa proses jual beli sedang berlangsung. Keadaan ini memberi keselesaan kepada para pelanggan untuk memilih barang dagangan yang dijual oleh Baginda (Tarikuddin Hassan, 2008:81).

Cara Nabi Muhammad SAW berniaga adalah berbeza dengan peniaga-peniaga yang lain. Kebanyakan peniaga lain cenderung menetapkan harga yang tinggi bagi barang dagangan mereka kepada pelanggan. Amalan tersebut tidak diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW, malah Baginda bertindak memberitahu harga asal barangan tersebut dan meminta pembeli membayar mengikut harga yang dikehendaki. Perniagaan yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW ini melahirkan rasa senang hati dalam kalangan pelanggan. Oleh itu, barang dagangan yang dijual oleh Nabi Muhammad SAW cepat habis berbanding rakan-rakan niaganya yang lain (Tarikuddin Hassan, 2008:79).

Sikap positif pekerja Khadijah binti Khuwaylid r.ah juga terbukti melalui kejujuran yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW. Buktinya, setelah selesai urusan jual beli di Syam, Nabi Muhammad SAW terus menemui majikannya iaitu Khadijah binti Khuwaylid r.ah untuk menyerahkan keuntungan yang lumayan (Nizar Abazhah, 2011:31). Sifat kejujuran Nabi Muhammad SAW menjadikan Baginda dikenali sebagai al-Amin (yang dipercayai) dan juga al-Sidiq (yang benar). Nabi Muhammad SAW juga memiliki sifat yang sopan dan berperasaan halus serta seorang yang tenang (Ummu 'Urwah, 1987:16-18). Tambahan pula, dalam melakukan urusan niaga Nabi Muhammad SAW sentiasa melemparkan senyuman kepada para pelanggan. Wajah yang manis beserta dengan senyuman yang menawan itu turut memberi keselesaan kepada pelanggan untuk mengurus niaga dengan Baginda (Tarikuddin Hassan, 2008:82). Kejujuran yang ada dalam diri Nabi Muhammad SAW beserta senyuman yang manis juga menjadi faktor terhadap kejayaan perniagaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah. Pekerja yang memiliki sifat sebegini mampu menarik minat pelanggan untuk mengurus niaga dan menjadi pilihan masyarakat untuk membeli barangan yang dijual.

Sikap positif dan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW sebagai pekerja turut menyumbang kepada kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah dalam keusahawanan. Sejak kecil, Nabi Muhammad SAW telah pun memikul tanggungjawab. Baginda mengambil upah mengembala kambing kepunyaan penduduk Mekah dengan upah sebanyak beberapa Qirath. Baginda juga pernah bekerja sebagai pembantu menyiapkan anak panah sewaktu beliau mengikuti bapa saudaranya dalam Peperangan Fijar. Semasa Peperangan Fijar tersebut, Nabi Muhammad SAW ditugaskan memungut anak panah musuh yang tercicir dan kemudiannya dikumpul dalam satu bekas. Ada ahli sejarah

yang berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW turut memanah musuh (Tarikuddin Hassan, 2008:73). Setelah dewasa, Nabi Muhammad SAW berniaga dengan Khadijah binti Khuwaylid r.ah (Muhammad Abdul Yamani, 2008:56). Baginda membawa barang-barang perniagaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah ke Negeri Syam pada usia 25 tahun (Tarikuddin Hassan, 2008:79).

Selain itu, sikap positif pekerja yang setia terbukti melalui kehadiran Maisarah sebagai pembantu dan pekerja yang setia kepada Khadijah binti Khuwaylid. Maisarah memikul tanggungjawab yang sebaiknya apabila beliau ditugaskan membantu Nabi Muhammad SAW dalam perjalanan perdagangan dan perlu memerhatikan gerak-geri Baginda sepanjang perjalanan tersebut (Muhammad Abdul Yamani, 2008:32). Maisarah mengikut Nabi Muhammad SAW ke negeri Syam sekali gus memerhatikan setiap gerak geri yang dilakukan oleh Baginda sepanjang perjalanan tersebut. Setelah pulang dari berdagang, Maisarah menceritakan peristiwa aneh yang berlaku terhadap Nabi Muhammad SAW sepanjang perjalanan perniagaannya kepada Khadijah. Menurut Maisarah, ketika matahari panas terik memancar, Nabi Muhammad SAW sentiasa dinaungi oleh segumpal awan yang sentiasa bergerak mengikuti perjalanan perniagaan mereka (Abu 'Ubaidillah Syariff, 2002:22-25; Muhammad Al-Qaisi, 2012:6).

Selain itu, Menurut Maisarah, terdapat dua malaikat yang menjaga Nabi Muhammad SAW ketika mereka berjalan pada waktu tengahari. Selain itu, ketika mereka makan bersama-sama dengan Nabi Muhammad SAW, mereka tidak pernah merasa lapar dan kekurangan makanan. Buktiannya, Maisarah telah menghidangkan makanan kepada Nabi Muhammad SAW. Mereka makan dengan banyak makanan tersebut, namun didapati makanan yang dihidangkan masih banyak dan boleh disedekahkan kepada fakir miskin yang melalui kawasan tersebut (Ummu 'Urwah, 1987:16).

Maisarah juga menceritakan bahawa Nabi Muhammad SAW juga dilindungi oleh bayang-bayang pokok tempat Baginda berteduh ketika berehat sewaktu perjalanan ke tempat perniagaan. Seorang Rahib memberitahu Maisarah bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan Nabi terakhir yang dinanti-nantikan. Menurut Rahib tersebut, hanya seorang Nabi yang akan berehat di bawah pohon berikut (Abdul Mun'im Muhammad Umar, 2009:11; Muhammad Abdul Yamani, 2008:33-34). Rahib yang dimaksudkan bernama Nasthur. Nasthur mendekati Nabi Muhammad SAW dan mengulangi kata-kata bahawa semoga beliau sempat berada pada zaman kenabian Baginda (Muhammad Al-Qaisi, 2012:6-7).

Dalam melaksanakan perniagaan, Khadijah binti Khuwaylid r.ah mengupah pekerja untuk melaksanakan urusan jual beli. Beliau menjalankan perniagaan berbentuk komisen dengan membayar upah tambahan kepada setiap pekerja bagi setiap barangan yang dijual (Saniyasnain Khan, 2014:31). Khadijah binti Khuwaylid r.ah merupakan pengusaha yang mempunyai ramai pekerja upahan bagi menjual barangan jualannya. Setelah mendengar sifat jujur dan amanah yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW, Khadijah binti Khuwaylid r.ah menawarkan pekerjaan terhadap Baginda dengan menjanjikan upah dan bonus hasil daripada keuntungan yang diniagakan. Tawaran yang diutarakan oleh Khadijah diterima oleh Nabi Muhammad SAW dengan melakukan perniagaan di Syam (Ichwan Fauzi, 2017:64).

Kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW dalam melaksanakan perniagaan ditunjukkan apabila Baginda melaksanakan persetujuan jual beli secara jujur, adil dan tidak pernah mengecewakan pelanggannya. Setelah selesai menjual kesemua barang dagangan, Nabi Muhammad SAW bersama-sama dengan Maisarah membeli barang-barang yang dipesan oleh Khadijah binti Khuwaylid r.ah. Barang-barang tersebut dibeli di Syam dan akan dipasarkan di Kota Mekah dengan harga yang berpatutan (Tarikuddin Hassan, 2008:79; Nizar Abazhah, 2011:31). Keadaan ini membuktikan bahawa perniagaan yang dilakukan secara jujur dan bijaksana mampu menarik perhatian orang ramai untuk berurusan dengan Nabi Muhammad SAW. Barangan yang dibeli oleh Nabi Muhammad SAW di Syam turut membuktikan Baginda bijak menggunakan peluang yang ada sekali gus mengembangkan lagi perniagaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah.

Huraian tersebut menunjukkan bahawa faktor sumber manusia merupakan elemen penting yang menyumbang kepada kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah sebagai seorang usahawan wanita yang cemerlang. Pemilihan pekerja yang bersikap positif seperti jujur, bertanggungjawab, setia dan memiliki pekerja yang bijaksana penting dalam memastikan keuntungan perniagaan yang dijalankan adalah lumayan.

■ 3.0 KAEDAH METHODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi pemilihan sampel kajian. Temu bual secara separa berstruktur dijalankan dengan menemu bual sejumlah 10 orang usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk Kesihatan di Malaysia. Berikut merupakan beberapa kriteria pemilihan informan.

Pertama, usahawan wanita Muslim haruslah beragama Islam, mempunyai tingkah laku yang baik, mengusahakan produk kesihatan yang sesuai untuk peringkat usia, mendapat kelulusan KKM, pasaran produk di seluruh Malaysia, mengusahakan dan memiliki syarikat sendiri, mendapat beberapa anugerah hasil jualan produk serta mampu membayar kos pengiklanan yang tinggi. Walau bagaimanapun, setiap informan diberikan kod penomboran yang merujuk kepada kumpulan mereka, iaitu UW01, UW02, UW03, hingga UW10, bagi memudahkan analisis data. Kod penomboran ini ditentukan oleh pihak penyelidik untuk tujuan analisis data. Data daripada temu bual dan kajian dokumen dianalisis menggunakan pendekatan analisis data kualitatif.

■ 4.0 KEPUTUSAN

4.1 Sumber Modal

Sumber modal kebiasaannya disediakan oleh usahawan itu sendiri atau pun ditambah melalui terbitan modal dan pinjaman daripada berbagai sumber. Menurut Ibrahim Bakar (1992), terdapat beberapa jenis sumber modal iaitu pertama, simpanan sendiri; kedua, modal ahli keluarga dan sahabat handai; ketiga, pemodal persendirian bermuafakat; keempat, modal dari peruntukan kerajaan; kelima, pemodal usaha niaga; keenam, modal dari institut kewangan; dan ketujuh, modal dari pembekal. Kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah adalah berpunca daripada sumber modal dalaman dan luaran. Sumber modal dalaman Khadijah binti Khuwaylid r.ah diperolehi daripada peninggalan arwah bapanya dan juga peninggalan kekayaan daripada kedua-dua bekas suaminya. Sumber modal yang didapati oleh Khadijah binti Khuwaylid r.ah membuktikan bahawa pihak yang mendapat sokongan daripada pelbagai sumber seperti kerajaan, rakan-rakan atau pihak lain mempunyai

peluang yang lebih cerah untuk maju dengan lebih pesat berbanding perniagaan yang tidak mendapat bantuan dan sokongan daripada pihak lain (Yep Putih, 1989:155)

Jadual 1 Faktor Sumber Modal yang Diterapkan oleh Informan Berdasarkan Kejayaan Khadijah Binti Khuwaylid r.ah

Faktor Kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah		Informan									
		UW01	UW02	UW03	UW04	UW05	UW06	UW07	UW08	UW09	UW10
Sumber Modal	Sumber Dalam			✓	✓		✓	✓			✓
	Sumber Luar	✓							✓		
	Sumber Luar dan Sumber Dalam		✓			✓				✓	

Sumber: Temu Bual Informan

Berdasarkan Jadual 1, dapatan hasil temu bual menunjukkan tiga informan telah memulakan perniagaan dengan menggunakan kombinasi dua sumber modal, iaitu sumber dalaman dan luaran. Sebaliknya, seramai lima informan menggunakan sumber dalaman sebagai pembiayaan permulaan perniagaan mereka. Manakala, dua daripada sepuluh informan memulakan perniagaan dengan hanya menggunakan sepenuhnya modal daripada sumber luaran.

Berdasarkan dapatan temubual, informan UW02 (2019) menceburi bidang perniagaan dengan menggunakan modal sendiri serta mendapatkan pinjaman wang daripada ibu dan rakan-rakannya. Seterusnya, informan UW05 (2019) turut menggunakan modal sendiri di samping mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan sebagai sokongan modal awal. Sementara itu, informan UW09 (2019) pula memulakan perusahaan dengan modal peribadi serta menerima bantuan kewangan daripada rakan.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa tiga daripada sepuluh informan (UW03, UW04 dan UW06) menggunakan modal sendiri iaitu modal berbentuk sumber dalaman untuk memulakan perniagaan. Dua informan (UW07 & UW10) menggunakan wang sendiri dengan bantuan kewangan daripada suami. Sementara itu, informan UW01 dan UW08 menggunakan modal sepenuhnya daripada sumber luaran. Menurut dapatan temu bual, informan UW01 (2019) mendapatkan pembiayaan daripada Agrobank untuk memulakan perniagaan, manakala UW08 (2019) memperoleh modal daripada Hijaz Selangor iaitu salah sebuah badan dalam negeri yang menyokong para usahawan.

Oleh yang demikian, faktor sumber modal sama ada daripada sumber dalaman mahupun luaran, merupakan salah satu elemen yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Muslim dalam mengusahakan produk kesihatan di Malaysia. Jadual 4.10 merupakan ringkasan hasil temu bual berkaitan faktor sumber modal, yang dikaitkan dengan faktor kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.a.

4.2 Sumber Manusia

Sumber manusia terdiri daripada usahawan itu sendiri dan juga para pekerja yang menjadi pasukan kerja serta bertindak sebagai penggerak terhadap perjalanan sesuatu perniagaan (Norita Deraman *et al.*, 2010:40). Kualiti sumber manusia turut menyumbang kepada kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah dalam bidang keusahawanan. Beliau memiliki sumber pekerja yang bersikap positif dan bijaksana. Hasil temu bual daripada informan mendapati, semua daripada mereka memiliki sumber manusia yang berkualiti iaitu pekerja yang bersikap positif dan bijaksana. Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan informan memiliki pekerja yang bijaksana dalam pengurusan perniagaan dan bersikap positif, menepati ciri pekerja yang dimiliki oleh Khadijah binti Khuwaylid r.a. Namun, terdapat perbezaan ketara di mana kebijaksanaan pekerja Khadijah binti Khuwaylid r.a. diukur melalui akhlak dan tingkah lakunya ketika melaksanakan aktiviti perniagaan, manakala kebijaksanaan pekerja informan dalam kajian ini diukur dengan tahap pendidikan yang dimiliki oleh mereka.

Melalui dapatan temu bual, informan UW05 (2019) memilih pekerja melalui pendidikan asas, pengalaman bekerja dalam bidang yang sama, sikap calon tersebut dan tahap pengetahuan dalam bidang herba dan kesihatan. Bagi informan UW04 (2019) pula, beliau membuat pemilihan pekerja dengan menitikberatkan aspek sikap sebagai elemen yang paling utama. Di samping itu, beliau juga membuat pemilihan pekerja dengan mengutamakan aspek keseimbangan antara pengalaman bekerja, jenis kemahiran yang dimiliki dan ilmu teknikal setiap pekerja. Selain itu, hasil temu bual mendapati informan UW01 (2019) tidak mempunyai kriteria khusus dalam pemilihan pekerja, namun begitu, beliau tetap menekankan aspek sikap dalam pemilihan pekerja, berikut merupakan kenyataan yang dikeluarkan oleh informan UW01 (2019):

“Tidak ada kriteria khusus. Kita ambil pekerja sememangnya melalui *interview*. Kelulusan tu kita tak pandang, tapi kita tengok dia punya *attitude*. Kalau dia datang *interview* pun kita akan tekankan di syarikat, *attitude* adalah yang paling utama. Kalau *you* masuk sini pun lepas tu *you* buat perangai”

Kenyataan di atas jelas menunjukan bahawa informan UW01 menitikberatkan aspek sikap dalam pemilihan pekerja. Informan UW03 (2019) menyatakan pemilihan pekerja berdasarkan sikap positif dengan meletakkan bahawa para pekerja perlu melaksanakan Solat Sunat Dhuha. Pendekatan yang dibawa oleh informan UW03 (2019) adalah selari dengan syariat Islam iaitu meletakkan Pencipta sebagai perkara

utama dalam kehidupan. Selain itu, informan UW03 (2019) turut memilih pekerja yang mahir dan berpengalaman dalam memastikan perniagaan yang dijalankan sentiasa berkembang maju.

Selain itu, informan UW10 dan UW06 (2019) juga menekankan aspek keagamaan sama seperti informan UW03 (2019). Pemilihan pekerja bagi informan UW10 dan UW06 (2019) adalah dengan memilih pekerja yang tidak meninggalkan solat. Informan UW06(2019) berpendapat, pekerja yang tidak mementingkan solat lima waktu adalah pekerja yang sukar berlaku jujur. Oleh hal demikian, beliau amat memntingkan pemilihan pekerja yang tidak meniggalkan amalan solat lima waktu. Berbeza dengan pemilihan pekerja yang dibuat oleh informan UW08(2019) dengan informan-informan lain. Berikut merupakan kenyataan yang dikeluarkan.

“Perlu menjadi pengguna produk terlebih dahulu. Kebanyakan pengguna yang menggunakan separuh dari produk hampir setahun dan ke atas. Bagi memastikan pekerja memahami dan mengetahui fungsi setiap produk yang dijual.”

Penekanan yang diberikan oleh informan UW08 (2019) dalam pemilihan pekerja adalah berdasarkan pengguna produk beliau sendiri. Tujuannya adalah untuk memastikan setiap pekerja memahami dan mengetahui setiap fungsi produk yang dijual bagi mendapat keyakinan daripada pengguna lain. Tindakan yang dilaksanakan oleh informan UW08 (2019) ini jelas menunjukkan bahawa beliau jujur dan ikhlas dalam perniagaan. Kejujuran dan sikap yang boleh dipercayai tersebut dapat membantu pembinaan keyakinan dan kepercayaan oleh orang lain seperti pelanggan, pembekal dan pemiutang (Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun, 2003:9)

Berdasarkan maklumat yang diterima melalui temu bual yang dijalankan terhadap sepuluh informan yang terpilih, kebanyakan pekerja yang dipilih adalah pekerja yang bijaksana iaitu memiliki Ijazah Sarjana Muda (*Degree*) (UW03, UW04, UW05, UW06, UW10, UW07 dan UW01, 2019). Selain itu, hasil temu bual daripada informan UW10 (2019) mendapati beliau memiliki pekerja yang berkelulusan Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, diploma dan lepasan Sijil Pelajaran Menengah (SPM). Berdasarkan pengalaman mengendalikan pekerja daripada pelbagai peringkat pendidikan, informan UW10 (2019) berpendapat pendidikan merupakan perkara yang perlu dimiliki setiap individu. Menurutny lagi, pekerja yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi senang memahami arahan yang dikeluarkan dan boleh mengikut tugas yang diberikan berbanding pekerja yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Maklumat yang diperoleh daripada informan UW09 (2019) adalah beliau turut memiliki pekerja yang bijaksana iaitu berpendidikan Ijazah Sarjana Muda. Bagi informan UW06 (2019), beliau memiliki pekerja yang terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan iaitu diploma, Ijazah Sarjana Muda dan juga Ijazah Sarjana. Sama seperti informan UW07 (2019) apabila pekerjaanya juga terdiri daripada pemegang Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kecuali memiliki pekerja yang berkelulusan diploma. Informan UW01 (2019) turut memiliki pekerja yang berkelulusan diploma dan Ijazah Sarjana Muda sama seperti informan UW06 (2019) kecuali memiliki pekerja berkelulusan Ijazah Sarjana.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa hampir semua informan memiliki pekerja yang bersikap positif dan bijaksana dalam menguruskan perniagaan sama seperti pekerja yang dimiliki oleh Khadijah binti Khuwaylid r.ah. Namun, perbezaan yang dapat dilihat adalah melalui perubahan zaman apabila kebijaksanaan pekerja Khadijah binti Khuwaylid r.ah dapat diukur melalui tingkah laku dan akhlakny ketika melaksanakan aktiviti perniagaan, manakala kebijaksanaan pekerja setiap informan dapat diukur melalui tahap pendidikan yang diperoleh. Jadual 4.11 menunjukkan faktor sumber manusia yang dilaksanakan oleh informan berdasarkan faktor kejayaan Khadijah binti khuwaylid r.ah.

Jadual 2 Faktor Sumber Manusia yang Dilaksanakan oleh Informan Berdasarkan Faktor Kejayaan Khadijah Binti Khuwaylid r.ah

Faktor Kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah		Informan										%
		UW01	UW02	UW03	UW04	UW05	UW06	UW07	UW08	UW09	UW10	
Sumber Manusia	Kualiti Sumber Manusia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	100

Sumber: Temu Bual Informan

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sumber manusia yang dimiliki oleh setiap informan mencatatkan peratusan 100%, yang mencerminkan kejayaan Khadijah binti Khuwaylid r.ah. Justeru itu, sumber manusia merupakan faktor penting yang harus dimiliki oleh setiap usahawan wanita Muslim agar proses mengusahakan perniagaan berjalan dengan lancar?

■5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi sumber modal, hasil temu bual mendapati sumber modal luaran dan dalaman turut mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Muslim produk kesihatan di Malaysia. Sumber modal adalah perkara penting bagi seseorang usahawan wanita Muslim produk kesihatan untuk memulakan perniagaan. Meskipun Khadijah binti Khuwaylid r.ah memulakan perniagaan dengan menggunakan sumber dalaman, namun ada juga usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan dengan menggunakan sumber modal luaran. Keadaan ini berlaku kerana, pada zaman kini perniagaan seseorang usahawan tidak lagi bergantung daripada ahli keluarga terdekat sahaja. Walau bagaimanapun, modal untuk memulakan perniagaan boleh diperoleh daripada pelbagai agensi, baik yang berasaskan kerajaan mahupun swasta. Sebagai contoh, pihak kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan kepada usahawan yang memerlukan seperti pinjaman daripada

TEKUN Nasional, PROSPER Perbadanan Usahawan Nasional (PUNB), Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (Superb Teraju), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), dana Teras Teraju, pinjaman Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) (Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, 2019).

Usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan di Malaysia juga memiliki sumber manusia yang berkualiti. Pemilihan pekerja dilakukan melalui temu duga untuk memastikan pekerja yang diambil mempunyai tahap tanggungjawab yang tinggi dan kualiti yang cemerlang.

Pekerja yang bersikap positif, memiliki akhlak yang baik dan tidak mudah berputus asa, turut dipilih oleh usahawan wanita Muslim dalam industri produk kesihatan. Akhlak yang baik bermaksud pekerja yang tidak meninggalkan amalan wajib sebagai khalifah Allah SWT iaitu melaksanakan solat fardu lima waktu sehari. Pekerja yang mampu menjaga amalan solat fardu lima waktu sudah tentu merupakan seorang pekerja yang jujur dan amanah dalam melaksanakan segala tugas yang diberikan.

Tambahan pula, usahawan wanita Muslim produk kesihatan turut memiliki pekerja yang mampu bekerja mengikut keperluan perusahaan dan sentiasa menghormati majikan dan rakan sekerja yang lain. Di samping itu, usahawan wanita Muslim produk kesihatan juga memiliki pekerja yang bijaksana. Menurut Mohammad Zaini Yahaya (et al., 2014:76), manusia yang bijaksana juga disebut sebagai ulul albab iaitu golongan manusia terpilih yang menggunakan akal fikiran kurniaan Allah SWT dengan sebaik-baiknya. Manusia yang berpendidikan merupakan golongan yang bijaksana, mampu berfikir, merenungi serta mengambil iktibar daripada peringatan dan panduan yang diberikan oleh Allah SWT. Oleh itu, kualiti sumber manusia juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan usahawan wanita Muslim yang terlibat dalam industri produk kesihatan di Malaysia.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kejayaan usahawan wanita Muslim dalam industri produk kesihatan di Malaysia dipengaruhi oleh faktor sumber modal dan sumber manusia, yang dapat dilihat melalui kejayaan Khadijah binti Khuwaylid. Oleh itu, bagi usahawan wanita Muslim yang baru menceburi bidang keusahawanan, adalah penting untuk memberi perhatian kepada aspek sumber modal dan sumber manusia bagi memastikan perniagaan yang dijalankan dapat berkembang dengan baik. Selain daripada menitik beratkan sumber modal dan sumber manusia, usahawan wanita muslim juga harus mengambil kira faktor-faktor kejayaan yang lain terutamanya faktor kepatuhan beragama. Hal ini demikian kerana, matlamat manusia dihidupkan adalah bagi mengejar keredaan Allah SWT, justeru nilai spiritual haruslah turut diutamakan agar berjaya di dunia mahupun di akhirat.

Penghargaan

Para penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan para responden kajian atas penyertaan mereka dalam menyempurnakan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

References

- Abu 'Ubaidillah Syariff (2002). *Kisah Siti Khadijah binti Khuwailid wanita hartawan penyejuk hati Nabi*. Jasmine Enterprise. Kuala Lumpur
- Afzalurrahman. (1997). *Muhammad sebagai pedagang*. Yayasan Swarna Bhumi. Jakarta
- Ainol Basar & Nurul Basri. (1990). *Kisah ibu mithali Siti Khadijah al-Kubra pelindung Nabi, Siti Aisyah pemimpin perang dan guru para ulamak, Siti Fatimah Az-Zahrah pemimpin wanita Syurga*. Syarikat Nurulhas. Kuala Lumpur
- Ashadi Zain. (2004). 66 usahawan Malaysia. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ashadi Zain. (2008). *Rahsia bisnes isteri Nabi Khadijah*. Kuala Lumpur: Pts Professional.
- Doris Padmini Selvaratnam & Kaw Kit Yeng. (2011). Peranan wanita dalam pasaran kerja Fleksibel di Malaysia: Kajian kes di sektor perkhidmatan, *Prosiding PERKEM VI*, 2, 86-101.
- Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini Idris, Norlaila Abu Bakar & Ong Bee Kim. (2019). Kesan peningkatan jangka hayat di Malaysia, *Prosiding PERKEM IV*, 1, 305-315.
- Fatimah Salwa Abd Hadi & Joni Tamkin Borhan. (2013). Faktor-faktor kejayaan perniagaan Khadijah binti Khuwailid: analisis terhadap usahawan asnaf di lembaga zakat selangor, *Jurnal Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, 21(2), 117-144.
- Fatimah Salwa Abd Hadi. (2013). Kejayaan perniagaan Khadijah binti Khuwaylid: Analisis terhadap usahawan wanita kredit mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Ichwan Fauzi. (2017). *Ensiklopedia Nabi Muhammad SAW sebagai keturunan bangsa Arab*. PT Lentera Abadi. Jakarta
- Ismail Ab. Wahab, Zarina Salleh & Siti Zahrah Buyong. (2008). *Budaya keusahawanan panduan memulakan perniagaan*. Arah Pendidikan Sdn. Bhd. Selangor
- Mardiana Mat Ishak & Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. (2014). *Dasyatnya doa isteri*. PTS Millenia. Selangor
- Mohammad Zaini Yahaya et al. (2014). *Tafsir al-Maudhu'iy Ibadah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Mohd Rafi Yaacob & Mohd Rosli Mohamad. (2014). *Usahawan kecil melayu isu dan penyelesaian*. Universiti Malaysia Kelantan. Kelantan
- Muham Taqra. (2015). *The tale of lady Khadijah binti Khuwaylid Wife of Prophet Muhammad SAW*. Krakatau: Dragon Self-Publishing.
- Khoirul Amru Harahap. (2009). *Panduan sukses perniagaan Khadijah r.a*. Synergy Media. Kuala Lumpur
- Muhammad Abdul Yamani. (2008). *Khadijah cinta abadi kekasih Nabi*. PTS Islamika. Selangor.
- Muhammad Abu Syauqi Banna. (2010). *Begitu romantis Rasulullah SAW*. Kemilau Publika. Selangor
- Muhammad Abu Syauqi Banna. (2012). *Wanita juga boleh berbisnes*. Kemilau Publika Sdn. Bhd. Selangor
- Muhammad Al-Qaisiy. (2012). *82 wanita idola sepanjang zaman*. Pustaka Ibnu Katsir. Selangor
- Ummu 'Urwah. (1987). *Isteri-isteri Rasulullah SAW dan kepahlawanan wanita Islam*. Pustaka Salam. Kuala Lumpur
- Nizar Abazhah. (2011). *Fi bayt al-Rasul*. Mutiara Ilmu Selektia Sdn. Bhd. Kuala Lumpur

- Norita Deraman, Armanurah Mohamad, Habshah Bakar & Norashidah Hashim. (Edisi ke-2). (2010). *Keusahawanan teori dan praktis*. McGraw-Hill. Malaysia
- Nuraslina Jusin & Zaharuddin Abd Rahman. (2010). *Bicaralah atas nama kasih*. Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd. Selangor
- Ranita Manap & Norziah Othman. (2016). Pembangunan Iestari melalui program kesihatan. *Proceeding of 3rd international conference on management nuamalah 2016*.
- Sakinah Salleh. (2013). *10 tokoh usahawan Muslimah*. Selangor: PTS Millennia Sd. Bhd.
- Saniyasnain Khan. (2014). *Kisah Khadijah Muslim Pertama dan isteri Nabi*. Goodword Books. New Delhi
- Shuhairimi Abdullah & Ku Halim Ku Ariffin. (2010). *Keusahawanan Islam*. Unit Penerbitan, Universiti Malaysia Perlis. Perlis.
- Tarikuddin Hassan. (2008). *Sejarah Rasul Ulul Azmi terbesar Nabi Muhammad SAW*. Perniagaan Jahabersa. Johor
- Umni Munirah Syuhada Mohamad Zan, Aidatul Najwa Harun Arrosyid, Mohammed Rizki Moi, Wan Suraya Wan Hassin & Wan Shahzlinda Shah Shahar. (2017) Faktor- faktor yang Mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Tekun: satu kajian dia Daerah Hulu Langat, *Proceeding of the 4th International Conference on management and muamalah 2017*.
- Ummu 'Urwah. (1987). *Isteri-isteri Rasulullah SAW dan kepahlawanan wanita Islam*. Pustaka Salam. Kuala Lumpur.